

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN BADMINTON

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) dan Peraturan-Peraturan AM MSSMK/MSSM.

2. JENIS PERTANDINGAN (ACARA-ACARA)

Acara-acara bagi kejohanan tersebut adalah seperti berikut :-

- 2.1 Perseorangan Lelaki dan Perempuan Umur 12,15,18 tahun dan ke bawah.
- 2.2 Beregu Lelaki dan perempuan Umur 12,15,18 tahun dan ke bawah.

3. PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Setiap Cawangan dibenarkan mendaftar Dua (2) orang pemain bagi acara perseorangan dan Dua (2) pasangan bagi acara beregu bagi setiap acara.
- 3.2 Seseorang pemain dibenarkan mengambil bahagian dalam acara perseorangan dan bergu dalam kumpulan umurnya sahaja.
- 3.3 Semua pemain mestilah berumur 12 tahun , 15 tahun dan 18 tahun ke bawah pada 1hb. JANUARI tahun kejohanan tersebut.
- 3.4 Bayaran :
 - 3.4.1 Acara Perseorangan RM 3.00 seorang
 - 3.4.2 Acara Beregu RM 6.00 sepasang.

4. SISTEM PERTANDINGAN

- 4.1 Pertandingan ini akan dijalankan secara "Kalah Mati"
- 4.2 Keutamaan pemain (seeding) hendaklah diadakan.
- 4.3 Pertukaran pemain hanya boleh dibuat sebelum pertandingan dimulakan.

5. CARA MENENTUKAN KEPUTUSAN

- 5.1 Kedua-dua belah pihak hendaklah bertanding dalam satu game 21 mata dari pusingan awal hingga ke pusingan Suku Akhir.
 - 5.1.1 Pemain-pemain hendaklah menukar petak gelanggang pada mata 11
 - 5.1.2 Tambahan tiga (3) mata hanya dua puluh (20) sama
 - 5.1.3 Pada peringkat separuh akhir dan akhir, kedua pihak hendaklah bertanding dan memenangi dua daripada tiga game, 11 mata untuk (Perseorangan Perempuan) dan 15 mata untuk (Peseorangan,Beregu Lelaki dan Beregu Perempuan)

6. PAKAIAN

- 6.1 Pakaian sukan mesti kemas, bersih dan sopan. Lukisan dan iklan tidak dibenarkan.
- 6.2 Sebarang jenis warna pakaian sukan dibenarkan tetapi tertakluk kepada syarat-syarat Pengiklanan mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF).

7. GELANGGANG PERMAINAN

- 7.1 Gelanggang hendaklah berbentuk segiempat tepat dan dibuat sepertimana di **Rajah A**
- 7.2 Garis-garis hendaklah yang mudah dibezakan dan seelok-eloknya berwarna putih dan kuning. Gelanggang-gelanggang yang telah dipilih untuk perlawanan hendaklah mempunyai 9 meter (30 kaki)Ketinggian yang minimum dari lantai keseluruhan gelanggang dan hendaklah ada ruang lapang sekurang-kurangnya 2 meter (6.5 kaki) mengelilingi semua garis-garis luar gelanggang.

8. ALATAN

- 8.1 Jenis bulu tangkis yang akan digunakan akan diputuskan oleh Pihak J/K Teknik MSSMK
- 8.2 Tiang

- 8.2.1 Tiang-tiang hendaklah tinggi 1.55 meter dari permukaan gelanggang dan hendaklah diletakkan digaris sempadan tepi untuk beregu seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah A**
- 8.2.2 Sekiranya tiang-tiang tidak berada di garis-garis sempadan tepi, maka hendaklah diusahakan satu cara untuk menunjukkan letaknya garis sempadan tepi di mana garis itu lalu di bawah jarring. Misalnya menggunakan jalur bahan lebarnya 40 mm yang dipasang pada garis sempadan tepi dan naik tegak ke tali jaring.
- 8.3 Jaring
 - 8.3.1 Jaring hendaklah diperbuat daripada tali halus yang berwarna gelap dan sama tebal dengan siratannya tidak kurang 15 mm dan tidak melebihi 20 mm
 - 8.3.2 Labuh jaring hendaklah berukuran 760 mm
 - 8.3.3 Bahagian atas sekali jaring itu hendaklah tingginya 1.524 meter dari lantai iaitu di bahagian tengahnya dan 1.55 meter di bahagian garis-garis sempadan tepi untuk acara bergu.
 - 8.3.4 Tidak terdapat kawasan-kawasan yang renggang di antara hujung-hujung jaring dan tiang-tiang. Tidak perlu keseluruhan hujung jaring hendaklah diikat kepada tiang.

9. KELEWATAN

Masa 10 minit sahaja diberikan kepada setiap pemain yang datang lewat. Kemenangan percuma akan diberikan kepada pemain yang berada di gelanggang.

10. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Sekiranya seorang pemain menarik diri atau menyerah kalah dengan sengaja daripada pertandingan, maka lawannya akan dikira pemenang.

11. BANTAHAN

Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut Undang-Undang Persekutuan Badminton Antarabangsa (IBF) dan Peraturan Am (13) MSSM

12. JURI RAYUAN

Ahli Jawatankuasa Juri Rayuan hendaklah terdiri daripada 5 orang (minima) atau 7 orang (maksima) daripada sekurang-kurangnya 3 orang wakil MSSK Daerah. Ketua Unit Sukan MSSMK atau wakilnya adalah Pengerusi Juri Rayuan.

13. LEMBAGA TATATERTIB

13.1 Lembaga ini terdiri daripada :

- 13.1.1 Pengarah Pelajaran atau wakilnya sebagai Pengerusi
- 13.1.2 Pengerusi Jawatankuasa Teknik MSSMK atau wakilnya
- 13.1.3 Pegawai Pendidikan Daerah (Pengelola Permainan Berkenaan) atau wakilnya
- 13.1.4 Setiausaha Agung MSSMK atau wakilnya
- 13.1.5 Pengerusi Teknik Permainan Daerah berkenaan


13.2 Lembaga ini bertanggung jawab untuk :

- 13.2.1 Memberi amaran
- 13.2.2 Menggantung penyertaan bagi jangka masa tertentu
- 13.3.3 Menyingkirkan daripada keseluruhan pertandingan
- 13.3.4 Menghantar laporan kepada MSSMK Daerah berkenaan supaya mengambil tindakan tatatertib sejajar dengan tindakan disiplin mengikut kesalahan

14. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 14.1 Rehat tidak lebih dari 90 saat dibenarkan antara game pertama dan kedua.
- 14.2 Rehat tidak lebih dari 5 minit dibenarkan antara game kedua dan ketiga.
- 14.3 Rehat 30 minit dibenarkan selepas tamat perlawanannya.
- 14.4 Semua pemain mesti melaporkan diri kepada Pihak Jawatankuasa Pertandingan 15 Minit sebelum perlawanan dijadualkan bermula.
- 14.5 Tiada masa kecederaan diberi.
- 14.6 Tambang dan makan/minum adalah dibawah tanggungan pihak Cawangan/Sekolah masing-masing

RAJAH A



Nota : GELANGGANG UNTUK PERMAINAN PERSEORANGAN DAN BERGU

UKURAN MELINTANG GELANGGANG SEPENUHNYA = 14.723 m

** Tanda-tanda ujian pilihan (bulutangkis)